

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
KAWASAN : SUNGAI SIPUT
TARIKH HANTAR : 3 OGOS 2017
KE URUSETIA
NO. SOALAN : 34

YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah eksport barangan Malaysia ke Amerika Syarikat pada tahun 2016 dengan pecahan jumlah harga barangan yang hadapi tarif masuk Amerika Syarikat 0%, 1-5%, 6-10%, 11-20%, 21-30%, 31-50% dan lebih daripada 50%.

JAWAPAN

Prestasi Perdagangan dan Eksport Malaysia ke Amerika Syarikat

Jumlah perdagangan di antara Malaysia dan Amerika Syarikat (A.S.) pada tahun 2016 meningkat sebanyak 5.3 peratus ke RM135.88 bilion berbanding tahun sebelumnya. Dari jumlah ini, eksport telah mencatatkan peningkatan sebanyak 8.9 peratus kepada RM80.23 bilion, didorong oleh eksport barangan perkilangan yang menyumbang 95.7 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke negara tersebut. Eksport

terbesar Malaysia ke A.S. ialah barangan elektrik dan elektronik (E&E) dengan jumlah RM43.12 bilion yang mewakili 58.1 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport ke A.S. Eksport E&E juga telah mencatatkan peningkatan sebanyak 2.2 peratus pada tahun 2016 berbanding tahun 2015.

Pecahan Jumlah Harga dan Tarif Dikenakan oleh Amerika Syarikat ke atas Barangan dari Malaysia

Statistik dari pangkalan data rasmi A.S. iaitu *United States Census Bureau* telah dirujuk bagi mendapatkan maklumat mengenai pecahan jumlah harga dan tarif dikenakan oleh A.S. ke atas barangan yang diimport dari Malaysia.

Pada tahun 2016, *United States Census Bureau* mencatatkan keseluruhan barangan import dari Malaysia ke A.S. berjumlah US\$36.7 bilion. Berdasarkan jumlah keseluruhan import tersebut, sejumlah US\$31.9 bilion atau 87.0 peratus barangan import dari Malaysia tidak dikenakan tarif oleh A.S. Barangan ini termasuk litar bersepadu elektronik (*electronic integrated circuits*), sel solar (*solar cells*), dan sarung tangan perubatan (*medical gloves*). A.S. juga tidak mengenakan sebarang tarif ke atas barangan yang bernilai rendah. Dalam hal ini, barangan import bernilai rendah dari Malaysia yang dikecualikan tarif adalah berjumlah US\$0.2 bilion.

Manakala, 9.5 peratus daripada jumlah keseluruhan barangan import Malaysia pada tahun 2016 iaitu US\$3.5 bilion dikenakan tarif yang rendah di antara 0-5 peratus. Barangan import tersebut termasuk *parts and accessories of the motor vehicles; automatic regulating or*

controlling instruments and apparatus; dan articles for the conveyance or packing of goods of plastics, stoppers, lids, caps and other closures, of plastics.

Untuk makluman, A.S. tidak mengenakan tarif melebihi 50 peratus ke atas barangan import Malaysia.

Jadual: Jumlah Import Amerika Syarikat ke atas Barangan Malaysia dan Kategori Tarif yang Dikenakan (2016)

<i>Duty Category</i>	<i>Value of U.S. Import from Malaysia in 2016 (US\$)</i>	<i>Percentage out of U.S. Total Import from Malaysia in 2016 (%)</i>
<i>0% / Free</i>	<i>31,922,523,580</i>	<i>87.01</i>
<i>More than 0%, up to 5%</i>	<i>3,487,768,919</i>	<i>9.51</i>
<i>More than 5%, up to 10%</i>	<i>272,624,346</i>	<i>0.74</i>
<i>More than 10%, up to 20%</i>	<i>348,885,957</i>	<i>0.95</i>
<i>More than 20%, up to 30%</i>	<i>42,267,820</i>	<i>0.12</i>
<i>More than 30%, up to 50%</i>	<i>33,739,605</i>	<i>0.09</i>
<i>More than 50%</i>	<i>0</i>	<i>0</i>
<i>Specific Duty OR a Combination of Specific Duty and Ad Valorem Duty</i>	<i>378,139,174</i>	<i>1.03</i>
<i>Duty determined by further consideration of U.S. under HS:</i>		
<ul style="list-style-type: none"> • <i>9801008000 - Previously exported articles</i> 	<i>5,414</i>	<i>0.00</i>
<ul style="list-style-type: none"> • <i>9802005060 - Articles returned to the United States after having been exported to be advanced in value or improved in condition by any process of manufacture or other means</i> <p><i>Note: A duty upon the value</i></p>	<i>18,804,243</i>	<i>0.05</i>

<i>Duty Category</i>	<i>Value of U.S. Import from Malaysia in 2016 (US\$)</i>	<i>Percentage out of U.S. Total Import from Malaysia in 2016 (%)</i>
<i>of the repairs or alterations</i>		
<ul style="list-style-type: none"> • 9025900000 - Parts and accessories: Hydrometers and similar floating instruments, thermometers, pyrometers, barometers, hygrometers and psychrometers, recording or not, and any combination of these instruments; parts and accessories thereof. Note: The rate applicable to the article of which it is a part or accessory 	300,131	0.00
<i>Goods of Low Value (duties not imposed)</i>	182,233,774	0.50
TOTAL	36,687,292,963	100

Sumber: United States Census Bureau (USA Trade Online), April 2017

Nota: Jadual kategori tarif pada 2016 disediakan berdasarkan senarai tarif berikut:

- (i) Harmonized Tariff Schedule for the United States (2016) – Basic Edition: <https://hts.usitc.gov/view/release?release=chapter98>
- (ii) Harmonized Tariff Schedule for the United States (2016) – Supplemental Edition: <https://hts.usitc.gov/view/release?release=Chapter99>

RT04/35

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS****Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan:-**

- (a) apakah status bagi pelaksanaan sekolah-sekolah daif di kawasan Parlimen Sepanggar; dan
- (b) berapakah jumlah keseluruhan peruntukan yang diberikan kepada negeri Sabah dalam membaik pulih sekolah khususnya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Kementerian dalam pelaksanaan menaik taraf 51 sekolah daif di Sabah secara *Industrialised Building System (IBS)*. Bagi kawasan parlimen Sepanggar, sekolah daif yang dirancang ialah Sekolah Kebangsaan Kiansom dan Sekolah Kebangsaan Tombongon yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2018.

- b) Kementerian sedia maklum berhubung dengan keadaan sekolah-sekolah daif di Sabah. Sehubungan itu, Kementerian telah memperuntukan sebanyak RM 116 juta bagi membaik pulih 51 buah sekolah di Sabah.

RT04/35